

Headline Tugas berat kemelesetan
Date 05. Apr 2009
Media Title Sinar Harian (Pahang)
Section NEWS
Circulation 60000
Readership 0

Language MALAY
Page No 1
Article Size 194 cm2
Frequency Daily
Color Full Color
AdValue



Tugas berat, kemelesetan

PPMKT minta naikkan elaun RM200 kerana dua faktor

ZAIRUL AFIZA HAMZAH

BANDAR TEMERLOH - Persatuan Pegawai-pegawai Masjid Kariah Daerah Temerloh (PPMKT), meminta supaya elaun mereka dinaikkan daripada RM450 kepada RM650 kerana tugas yang dipikul kini semakin bertambah.

Pengerusinya, Syed Abu Bakar Syed Salim berkata, ada antara imam yang tidak mampu lagi bekerja keras kerana faktor usia dan berharap pada elaun tersebut untuk perbelanjaan harian.

Menurutnya, selain itu masalah kegawatan ekonomi dan kenaikan harga barang juga memberi kesan

pada mereka.

"Saya bukan saja mewakili imam daerah ini, malah imam negeri ini juga mahu elaun dinaikkan sedikit memandangkan keadaan sekarang yang memerlukan perbelanjaan yang banyak.

"Saya harap perkara ini diteliti pihak bertanggung-

jawab dan harap elaun tersebut dinaikkan. Banyak tugas yang perlu dipikul imam dan amanah berkenaan dilaksanakan sebaik mungkin," katanya pada kepada Sinar Harian pada Kursus Pengurusan Jenazah HIV/Aids di Dewan Tun Razak, di sini.

Majlis dirasmikan Timbalan Yang Dipertua Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (Muip) Datuk Seri Wan Abd

pada Jabatan Agama Islam Pahang (Jaip), Pejabat Agama Islam Daerah (Paid) dan Jabatan Kesihatan Daerah kerana berjaya menganjurkan kursus itu.

Menurutnya, seramai 154 imam dan pegawai masjid mengikuti kursus tersebut dan ia adalah kali pertama daerah ini menganjurkan majlis seumpama itu.

"Saya berpuas hati dengan kehadiran peserta kursus kerana dengan adanya mereka ini dapat mengembangkan lagi ilmu ini dalam kawasan masing-masing dan jika adanya jenazah yang menghidapi penyakit ini senang untuk segera dikebumikan.

"Apa yang dipelajari dalam kursus ini perlu dipraktikkan dan jangan takut untuk menguruskan jenazah ini kerana peserta sudah didedahkan dengan aspek keselamatan dan pengurusan yang sebenar," katanya.



● Syed Abu Bakar (tengah) bersama Kadi daerah, Shahrudin Muhammad Nor (kiri) menyambut Wan Abd Wahid.

Wahid Wan Hassan.

Turut hadir, Kadi Daerah Temerloh, Shahrudin Muhammad Nor.

Syed Abu Bakar berkata, dengan kenaikan elaun tersebut memberikan semangat kepada imam-imam untuk menjalankan tugas dengan lebih baik.

Dalam perkembangan lain, beliau berterima kasih